



“IMAN TERAS KEHIDUPAN MUSLIM”

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ^ص هُمْ فِيهَا
خَالِدُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. dengan sedaya upaya mengerjakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah mudahan kita tergolong dalam golongan orang-orang yang muttaqin.

Pada hari yang mulia ini marilah kita mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : "***Iman Teras Kehidupan Muslim***".

Permasalahan iman merupakan permasalahan pokok dalam kehidupan seorang muslim, kerana iman merupakan penentu nasib seseorang di dunia atau di akhirat. Bahkan kebaikan dunia dan akhirat bersandar kepada iman yang sebenar. Dengan iman seseorang akan mendapat keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat . Dengan iman seorang akan mendapat pahala yang besar dari Allah S.W.T. yang menjadi sebab seseorang itu masuk syurga dan selamat dari masuk neraka.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Iman bukanlah sekadar keyakinan di hati semata-mata. Ia juga bukan sekadar ucapan lisan. Tetapi iman yang hakiki (sebenarnya) ialah iman yang merangkumi keyakinan dalam hati, ucapan dengan lisan dan dizahirkan dengan amalan-amalan anggota. Ketiga-tiga ini mesti wujud dan saling berkaitan dengan erat antara satu sama lain.

Selain itu kita perlu ingat bahawa iman itu akan mengalami penurunan dan peningkatan. Iman akan sentiasa bertambah dan meningkat dengan sebab melakukan amalan ketaatan kepada Allah SWT., setiap kali seseorang melakukan ketaatan maka bertambah dan meningkatlah imannya. Dan iman



akan menurun dan berkurang dengan sebab kemaksiatan yang dilakukan, setiap kali melakukan maksiat akan berkurang dan menurunlah imannya sehingga ketahap kekufuran.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Anfal ayat 2:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ
قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ
رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatnya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Sesungguhnya iman itu adalah perkara yang amat penting dalam kehidupan manusia bagi mencapai keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu iman yang sebenar akan melahirkan kesan yang mendalam dalam kehidupan manusia. Antaranya ialah:

1. Iman melahirkan rasa ketenangan dan keberkatan dalam hidup seseorang, orang yang beriman akan sentiasa merasai bahawa



dirinya adalah hamba Allah yang menciptanya semata-mata untuk mengabdikan diri kepada khaliqnya.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Ra'd ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ^{أَلَا}
بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

"Orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

2. Iman yang mendalam akan mendorong seseorang melakukan amalan-amalan yang baik yang diredhai Allah SWT. dan meninggalkan segala laranganNya.
3. Iman sebenar melahirkan sifat ihsan dan muroqobah. Iaitu seseorang yang beriman akan merasai bahawa Allah S.W.T. Sentiasa bersama-samanya dan melihat segala perbuatannya dimana jua ia berada.

Hadis daripada Ubadah Bin As-Somit bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

"Iman seorang yang paling utama ialah dia menyedari bahawa Allah sentiasa bersama-sama dimana jua".

(Riwayat Al-Baihaqi)



4. Iman yang sempurna akan mengerat dan meneguhkan ikatan ukhuwah (persaudaraan) dikalangan ummah.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Anfal ayat 63 :

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ^ج لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي
الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ^ج إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

"Dan (Dia lah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). kalaulah engkau belanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sebagaimana yang dijelaskan bahawa iman boleh runtuh dan rosak pada diri seseorang dengan sebab perkara maksiat dan kemungkarannya yang dilakukan. Ulama' ada menyebut beberapa perkara yang boleh merosak dan membatalkan iman. Diantaranya adalah ;

1. Mensyirikkan Allah S.W.T.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Luqman ayat 13:



وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا
تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah Engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu Yang lain), Sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman Yang besar".

2. Meragui ketulenan al-Quran.
3. Menafikan Muhammad SAW. sebagai nabi terakhir.
4. Menolak sunnah Rasul sebagai salah satu sumber hukum syarak.
5. Meyakini dan mempercayai bahawa Allah S.W.T. beanggota seperti makhluk.


Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

1. Kita hendaklah meningkatkan ilmu aqidah mengikut aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Iman kita hendaklah disuburkan dengan amalam-amalan soleh dan dijaga agar tidak rosak.
3. Kita hendaklah berhati-hati dalam menerima dan mengamalkan satu-satu ajaran tarikat dengan merujuk kepada pihak-pihak berkuasa agama bagi memastikan kesahihan ajaran tersebut. Dan mengelakkan daripada terlibat dengan ajaran sesat.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ
لِمَنْ يَشَاءُ^ج وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا



"Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apajua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan syariatNya). dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar".

(Surah An-Nisa': 48)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: 'إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللّٰهِ، اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايْ ذِي
الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.